

PM minta rakyat kikis tabiat buruk, terap prestasi tinggi

Daripada Hishamuddin Aun di Paris

DEWAN utama di Hotel Ritz, Paris itu sudah pun sesak lebih setengah jam sebelum kemunculan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kepada sebilangan besar daripada kira-kira, 120 rakyat Malaysia yang bermastautin di Perancis itu, peluang sulung untuk bertentang mata dengan Perdana Menteri kelima yang baru mengambil alih pada 31 Oktober tahun lalu, tidak harus dilepaskan.

Suasannya hingar-bingar dengan sebilangan besar daripada tetamu wanita hadir berpakaian terbaik masing-masing hingga sukar untuk membezakan mereka dengan warga tempatan yang terkenal dengan kegilaan terhadap fesyen terkini.

Lengah sedikit daripada waktu dijadualkan, Pak Lah yang dihujani rentetan soalan pada majlis makan tengah hari anjuran Institut Hubungan Antarabangsa Perancis (IFRI) sebelum itu, muncul beriringan dengan Duta Besar Malaysia ke Perancis, Datuk Hamidah Mohd Yusoff serta Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Didahului kata-kata aluan Hamidah, kemudian Syed Hamid mengambil giliran memperkenalkan tetamu kehormat petang kelmarin sebagai pemimpin yang mengemudi Barisan Nasional (BN) untuk kemenangan terbesarnya dalam pilihan raya umum 21 Mac lalu.

Sebagaimana lazim, Pak Lah mengambil giliran di rostrum dengan baris mula ucapannya menghamburkan pujian kepada hadirin. Sepanjang lebih lapan bulan kepemimpinannya, beliau belum mendengar sebarang rungutan terhadap rakyat Malaysia di Perancis, menandakan mereka berkeakuan seperti dihajati.

Kepada setiap seorang daripada mereka, beliau berpesan pentingnya peranan mereka membantu Hamidah selaku duta kecil untuk mempromosikan negara supaya lebih ramai rakyat Perancis yang terdorong untuk bercuti dan berbelanja di Malaysia.

Sepanjang lima bulan pertama tahun ini, 14,011 rakyat Perancis mengunjungi Malaysia - peningkatan 53.4 peratus daripada 9,131 orang bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Baik kepada Pak Lah mahupun Pengarah Pelancongan Malaysia di Paris, Adlina Borhan, jumlah itu boleh terus dipertingkatkan.

Statistik Persatuan Pengusaha Pelancongan Paris mendedahkan bagi tempoh di antara November 2003 hingga April lalu, Malaysia mendahului destinasi Asia lain dari segi pakej percutian yang terjual.

"Saya baru bercakap dengan 58

tokoh korporat, industri, ahli Parlimen dan ilmuwan pada majlis IFRI. Mereka semuanya amat tertarik dengan Malaysia dan kita harus sama-sama memainkan peranan untuk memberi keutamaan kepada bidang pelancongan," kata Perdana Menteri.

Pada peringkat ini, Pak Lah memohon maaf kerana tersasul menyebut 'Petrojaya' berbanding Putrajaya, tanda amat mengantuk kerana perbezaan waktu yang ketika itu melepasi tengah malam di Kuala Lumpur, selain baru tiba dari Washington pada lewat malam sebelumnya.

Tetapi beliau masih berupaya meneruskan ucapan bersemangatnya seolah-olah tidak memerlukan tidur.

"Di sini ada yang bertanya saya mengapa kita masih menganggap Malaysia sebagai negara membangun walhal prasarana yang kita miliki setaraf negara maju. Mereka mengenali kita menerusi menara berkembar Petronas, Putrajaya, Cyberjaya, selain lebuhraya bertingkat.

"Saya katakan saya amat bertuah mewarisi kepemimpinan daripada seorang pemimpin amat dinamik yang telah melengkapkan negara dengan kemudahan kelas pertama yang membuat setiap rakyat amat bermeleg dengannya," katanya.

Bagi Pak Lah, ia belum cukup setakat itu. Tidak juga angka petunjuk ekonomi memberangsangkan bagi suku pertama tahun ini. Prasarana kelas pertama harus dipadankan dengan mentaliti kelas pertama juga.

"Saya suka mengulangi pencapaian Malaysia sejauh ini adalah hasil usaha rakyat Malaysia sendiri. Masanya sudah lama berlalu untuk lebuhraya dan bangunan besar kita dibina oleh syarikat Jepun dan Korea. Putrajaya dirancang dan dibina oleh anak tempatan.

"Inilah pulangan kepada penekanan kita terhadap pendidikan. Kita hantar pelajar kita ke pelbagai negara dan mereka kembali sebagai cerdik pandai yang berkeupayaan sebagaimana Malaysia yang dilihat orang asing hari ini," hujahnya.

Kepada Pak Lah, pembangunan sumber manusia adalah antara teratas dalam senarai keutamaannya. Golongan muda harus diberi segala kemudahan dan kesempatan untuk menimba ilmu bagi menjadikan mereka aset terpenting negara.

Benar, seperti negara lain, Malaysia turut menerima akibat daripada tragedi 11 September 2001, krisis kewangan, Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan wabak selesema burung. Tetapi dibandingkan dengan kebanyakan negara lain, Malaysia lebih berjaya menempuh rintangan seperti itu.

"Jadi, apakah yang harus saya buat selepas mewarisi kepemimpinan negara? Tentunya saya perlu mengurus kejayaan. Apa yang kita perlu lakukan,



ABDULLAH yang dalam rangka lawatan dua hari ke Perancis bertemu anggota Kesatuan Majikan Perancis di Paris semalam. - Gambar AFP

Malaysia akan lebih awal mencapai status negara maju jika rakyatnya berpendidikan tinggi, bermaruah dan sentiasa bangga dengan pencapaian yang diperoleh. Untuk itu, rakyat Malaysia harus melakukannya sendiri tanpa mengharapkan orang lain

kita hendaklah melaksanakannya dengan Jaya," katanya.

Rakyat Malaysia, katanya, tidak lagi harus banyak beralasan dengan terus menyalahkan pelbagai perkara kepada faktor lain, kecuali diri sendiri.

Contoh yang diberikannya termasuk kemalangan jalan raya yang mengorbankan banyak nyawa setiap tahun: "Kita memiliki lebuhraya terbaik, kereta canggih tapi siapakah harus dipersalahkan? Bukankah kebanyakan masalah didasarkan kepada faktor manusia?"

Jawapan kepada permasalahan seperti itu, pada pengamatan Perdana Menteri, sebenarnya tidak pun sukar. Cuma ia lebih sukar untuk dijayakan

berbanding begitu mudah memperkatakannya.

"Itulah sebabnya kita perlu menepatkan budaya berprestasi tinggi di kalangan rakyat Malaysia... bukan lagi mentaliti kelas tiga, tidak terkecuali budaya penyenggaraan yang amat rendah," katanya.

Perubahan atau lebih tepat lagi anjakan besar yang harus diambil, tidak pun boleh dielakkan. Langkah mula harus tidak lain daripada mengikis tabiat buruk yang menjadi hadangan besar kepada kemajuan.

"Malaysia akan lebih awal mencapai status negara maju jika rakyatnya berpendidikan tinggi, bermaruah dan sentiasa bangga dengan pencapaian

yang diperoleh. Untuk itu, rakyat Malaysia harus melakukannya sendiri tanpa mengharapkan orang lain melakukannya untuk kita," katanya.

Mengulangi slogan BN, 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang', Pak Lah menegaskan itulah juga peringkat atau tingkatan yang perlu disusuri ke arah mengangkat darjat Malaysia dan rakyatnya.

"Cemerlang saja mungkin tidak memadai kemudiannya kerana kita perlu terus berusaha mengangkat diri ke tahap gemilang untuk diiktiraf sebagai terbilang pada penghujungnya. Inilah yang perlu kita usahakan bersama.

"Saya menaruh harapan kepada anda semua untuk memperbaiki diri untuk menjadi rakyat Malaysia yang bermaruah tinggi dan berupaya pula berdiri megah, sekalipun pada kaca mata orang luar," demikian Pak Lah mengakhiri ucapannya.

Daripada jumlah yang hadir pada majlis petang itu, harus ramai antara mereka yang sudah pun berasa amat megah - kerana mereka adalah rakyat sebuah negara bertuah bernama Malaysia selain dianugerahkan kesinambungan kepimpinan berwawasan.

Sekurang-kurangnya tepukan gemuruh dituruti suasana hingar-bingar yang berterusan lama sesudah Perdana Menteri beredar meninggalkan majlis berkenaan, menerbitkan keyakinan sedemikian.